

KERTAS 1

- | | |
|-------|-------|
| 1. D | 21. A |
| 2. B | 22. D |
| 3. A | 23. A |
| 4. D | 24. B |
| 5. B | 25. D |
| 6. B | 26. D |
| 7. C | 27. B |
| 8. C | 28. D |
| 9. A | 29. A |
| 10. B | 30. C |
| 11. A | 31. C |
| 12. A | 32. A |
| 13. C | 33. C |
| 14. D | 34. B |
| 15. C | 35. A |
| 16. D | 36. A |
| 17. D | 37. D |
| 18. A | 38. C |
| 19. C | 39. A |
| 20. C | 40. B |

KERTAS2**BAHAGIAN A (i)**

ISI-ISI PENTING

Langkah mengatasi masalah pemilikan lebih daripada satu rumah murah

1. Kerajaan tempatan telah menggubal undang-undang untuk mendakwa pembeli tersebut di mahkamah.
2. Kerajaan akan merampas rumah tersebut dan pembeli itu akan didenda kerana menipu
3. Kerajaan mengesan pemilik terbabit melalui senarai pembelian yang disimpan oleh kerajaan negeri.
4. Meminta maklumat daripada orang ramai dengan membuat aduan sekiranya pembeli memiliki lebih daripada satu rumah murah.
5. Memberikan rumah murah kepada rakyat yang termiskin sahaja.
6. Tidak membenarkan pemilik rumah murah menyewakan rumah mereka kepada orang lain.
7. Cara menyelesaikan masalah ini dengan menggantikan tanah lot dengan rumah murah.

BAHAGIAN A (ii)

1. Maksud rangkai kata mencegah ialah menghalang. 2 markah
2. **Antara tindakan yang telah diambil oleh kerajaan ialah**
 - menggubal undang-undang mendakwa pembeli tersebut 2 markah
 - rumah tersebut akan dirampas dan pembeli tersebut akan didenda. 2 markah
3. **Dua kesan sosial yang terdapat dikawasan rumah setinggan ialah**
 - masalah kecurian 2 markah
 - masalah keruntuhan akhlak dikalangan golongan remaja. 2 markah

BAHAGIAN B

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Begitulah peribahasa yang selalu kita dengar bagi menerangkan konsep bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Bergotong-royong merupakan amalan mulia yang semakin terhakis pada zaman serba maju ini. Namun begitu, amalan ini harus diterapkan di kalangan rakyat negara ini khususnya golongan pelajar.

Bergotong-royong dapat mengeratkan tali persaudaraan di kalangan masyarakat. Aktiviti bergotong-royong seperti membersihkan kawasan permainan kanak-kanak dapat menceriakan kawasan tersebut. Keselamatan kanak-kanak yang bermain di situ akan lebih terjamin sekiranya kawasan itu bersih.

Wabak denggi yang melanda negara berpunca daripada kawasan sekitar yang ditakungi air. Ini memberi peluang nyamuk Aedes untuk hidup. Dengan adanya gotong-royong membersihkan kawasan tersebut, demam denggi akan dapat dielakkan dan keselamatan masyarakat sekitar akan lebih terjamin.

Semangat bergotong-royong harus dipupuk sejak kecil lagi agar akan lahir satu masyarakat yang lebih bersatu-padu dan tidak mementingkan diri sendiri.

BAHAGIAN C**a)****Pendahuluan**

- Ucapan semoga rakan anda sihat sejahtera.

Isi-isi

- menyatakan rasa simpati dan mengucapkan takziah – mengetahui perkara tersebut melalui berita yang disiarkan di televisyen.
- Berhadap agar bersabar dan bertenang – perlu bersyukur kerana tidak berlaku kemalangan jiwa.
- Anda berjanji akan memberikan salinan nota-nota pelajaran – mengirimkannya secepat mungkin – akan memberikan buku-buku rujukan sedikit masa lagi.
- Ayah mengirimkan wang kiriman pos bernilai RM 200 – berharap sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan yang ditanggung – akan membuat kutipan derma di sekolah.
- Berharap dapat menyesuaikan diri tinggal di rumah penempatan sementara yang disediakan – jangan terlalu bersusah hati – perlu mengulang kaji pelajaran seperti biasa.

Penutup

- bersabar kerana kejadian tersebut merupakan ujian daripada Allah.

b)**Pendahuluan**

- esok merupakan Hari Raya Aidilfitri – takbir hari raya berkumandang di udara – kami sekeluarga sibuk membuat persiapan.

Isi-isi

- ayah termenung sendirian di anjung rumah – mungkin terkenang akan Abang Ngah.
- Sudah hampir setahun Abang Ngah meninggalkan keluarga - akibat bersengketa dengan ayah – membawa diri ke kota.
- Aku berdoa kepada Tuhan – Abang Ngah pulang ke pangkuan keluarga – melupakan segala sengketa – air mata berlinangan.
- Kedengaran suara memberi salam – Abang Ngah terjenguk di muka pintu – berpeluk-pelukan – suasana yang amat pilu.

Penutup

- bersyukur kerana Abang Ngah telah pulang – carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga – berselisih sesama keluarga akhirnya berbaik kembali.

c)

Pendahuluan

- Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Isi-isi

- bertolak ansur dan bekerjasama
- rakyat mementingkan perpaduan
- pergaulan yang mesra dan saling menghormati.
- Rakyat Malaysia tidak berminat menimbulkan isu-isu yang boleh mencetuskan pergaduhan.
- Sistem pentadbiran yang adil terhadap semua kaum.
- Kestabilan politik.

Penutup

- perpaduan akan terus berkekalan seandainya kita bijak mencorakkan kehidupan kita.

d)

Pendahuluan

- kata alu-aluan dan ucapan terima kasih kerana dijemput memberi ceramah.
- Tajuk ceramah – “Faedah Berkebun”.

Isi-isi

- berbakti kepada tanah.
- Menggunakan tanah dengan cara bermuafakat.
- Memenuhi masa lapang.
- Menyihatkan tubuh badan.
- Memperoleh hasil – boleh digunakan sendiri atau dijual.
- Melatih diri supaya pandai berdikari.

Penutup

- tidak rugi berkebun
- kegiatan yang berfaedah.

1e)**Pendahuluan**

- pelbagai usaha dilakukan oleh pihak tertentu untuk merapatkan lagi hubungan antara warga seperti menganjurkan Hari Keluarga.

Isi-isi

- i. nyatakan tarikh, hari, jangka masa dan tempat berlangsungnya majlis tersebut.
- ii. Tujuannya untuk merapatkan hubungan kekeluargaan antara mereka yang berkenaan dengan sekolah.
- iii. Pergi menaiki bas, van dan kereta.
- iv. Pelbagai aktiviti diadakan seperti sukaneka, permainan bola tampar pantai, polo air, pertandingan memancing dan sebagainya.
- v. Sebelah malam diadakan pertandingan karaoke, makan malam dan cabutan nombor bertuah.
- vi. Mereka yang berjaya dalam apa-apa juga pertandingan telah menerima hadiah yang berupa hamper – semua yang terlibat telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya.

Penutup

- hubungan baik antara warga sekolah penting bagi meningkatkan perestasi sekolah dalam pelbagai aspek.

BAHAGIAN D**Persamaan**

- i. Masyarakat Melayu yang bekerja sebagai petani dan tinggal di kampung.
- ii. Masyarakat Melayu yang berpaling tadah ataupun berpihak kepada golongan pegganas.
- iii. Masyarakat yang cinta akan tanah air dan benci akan penjajah.
- iv. Masyarakat patriotik – sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan tanah air.

Perbezaan

Kapten Hassan Wira Bangsa	Merdeka! Merdeka!
i. Perjuangan golongan tentera	Perjuangan masyarakat Melayu dan golongan raja menentang Malayan Union.
ii. Peranan ahli agama – menanamkan ilmu kerohanian dan kebatinan.	Tiada peranan ahli agama.
iii. Peranan golongan dewasa dan tentera untuk mempertahankan negara	Golongan remaja yang mempunyai semangat mempertahankan negara.